



CNS8943

U GB 17-06 00147 BH635

aab mex

Mahathir-RRJP2 (Bumiputera) 4 Kuala Lumpur '''

Datuk Seri Dr Mahathir berkata penyertaan Bumiputera dalam perniagaan runcit masih kurang dan kerajaan akan mengkaji masalah dan halangan kepada penglibatan mereka.

+Ada anggapan di kalangan Bumiputera bahawa perniagaan runcit tidak akan mendatangkan keuntungan yang besar dan tidak membolehkan mereka cepat kaya, satu perkara yang amat diutamakan oleh kebanyakan peniaga Bumiputera,+ katanya.

Bumiputera hendaklah belajar melibatkan diri dalam suasana persaingan dan kecekapan bagi membolehkan mereka menceburi arus perniagaan serta boleh diiktiraf sebagai ahli perniagaan dan usahawan tulen.

+Kita amat berbangga bahawa segolongan kecil Bumiputera telahpun mencapai taraf ini di bawah Dasar Ekonomi Baru, tetapi kita memerlukan lebih ramai golongan sedemikian bagi membolehkan kejayaan yang berterusan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pembangunan sebuah masyarakat perindustrian dan perdagangan Bumiputera yang berkesan dan berdaya maju akan diberi keutamaan.-- Lagi

♥17/06/17-44MST

CNS8944

U GB 17-06 00102 BH636

aab mex

Mahathir-RRJP2 (Bumiputera) 5 Kuala Lumpur '''

Perdana Menteri juga berkata kerajaan bertanggungjawab untuk membantu golongan miskin dan menghapuskan kemiskinan.

Fahaman bahawa kemiskinan sudah ditakdirkan merupakan satu kejahilan kerana apabila golongan miskin dibantu secukupnya mereka boleh memperbaiki kedudukan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mereka yang cuba mempengaruhi golongan miskin supaya tidak perlu bekerja kuat untuk memperbaiki nasib mereka, merosakkan semangat golongan tersebut untuk bekerja ke arah kesejahteraan.

+Orang yang seperti ini sebenarnya cuba untuk menindas mereka yang miskin dan membiarkan golongan miskin untuk terus miskin selama-lamanya,+ katanya. -- Bernama

♥17/06/17-44MST